

TERMA DAN SYARAT

Yang berikut ini membentangkan terma dan syarat Hong Leong Bank Berhad (193401000023(97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”, yang bersama-sama dengan HLB dikenali sebagai “**Bank**”) akan menyediakan kepada anda perkhidmatan pindahan dana menerusi Pindahan Luar Negeri (“**OT**” atau “**Perkhidmatan**”) dalam platform internet/elektroniknya yang pada masa ini dikenali sebagai HLB Connect (“**Terma dan Syarat**”).

Terma dan Syarat ini hendaklah juga dibaca bersama-sama dengan Terma & Syarat penggunaan HLB Connect (“**Connect T&Cs**”). Terma dan Syarat ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan Connect T&Cs.

1. Terma dan syarat dan ungkapan membawa makna yang ditetapkan baginya seperti berikut melainkan konteks menghendaki makna yang sebaliknya:

Terma / Ungkapan	Makna
“Pemohon”	Bermakna pelanggan yang menggunakan perkhidmatan OT.
“Pihak Berkuasa Yang Sesuai”	Bermakna mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau cukai.
“HLB Connect”	<p>Kemudahan dan/atau perkhidmatan internet/elektronik yang disediakan oleh Bank biar apa pun nama yang diberi, bagi anda melakukan perkhidmatan perbankan, termasuk OT melalui internet secara elektronik menerusi penggunaan terminal komputer peribadi atau peranti elektronik lain (termasuk peranti mudah alih).</p> <p>Bagi tujuan Terma dan Syarat, rujukan kepada HLB Connect hendaklah bermakna dan meliputi rujukan kepada yang berikut sesuai dengan konteksnya:</p> <ul style="list-style-type: none">a) HLB Connect Online Banking, yang boleh diakses melalui internet menggunakan komputer peribadi atau peranti elektronik lain (termasuk peranti mudah alih); danb) HLB Connect App, yang merupakan aplikasi mudah alih yang boleh diakses hanya dengan menggunakan peranti mudah alih.
“Notis Privasi”	Dasar dan prinsip HLBB/HLISB berkenaan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan bakal (prospektif) yang berurusan dengan HLBB / HLISB. Dasar dan prinsip ini boleh dipinda dari semasa ke semasa dan tersedia di Laman Web HLBB / HLISB masing-masing.
“Cukai”	Bermakna sebarang cukai, levi, impos, duti, caj, fi, potongan, penangguhan Malaysia atau negara asing, langsung atau tak langsung, masa ini atau masa akan datang, yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Sesuai, termasuk, tanpa pembatasan, apa-apa cukai lain biar apa pun nama yang diberi, serta apa-apa faedah, denda atau penalti yang dikenakan.

2. Pihak Bank adalah bebas melantik mana-mana ejen, sub-ejen atau koresponden bagi melaksanakan atau menjalankan Perkhidmatan dan Pemohon memberi keizinan kepada Bank untuk menzahirkan butiran dan/atau maklumat Pemohon berhubung dengan OT kepada ejen, sub-ejen atau koresponden yang dilantik oleh Bank untuk memproses OT.
3. Permohonan tidak boleh ditarik balik atau dibatalkan setelah disampaikan kepada Bank melainkan hal itu dibenarkan oleh Bank. Permohonan Perkhidmatan yang diterima selepas had masa yang ditetapkan akan ditunda atau dibawa ke hari perbankan yang berikutnya. Pemberian Perkhidmatan itu juga akan ditunda atau dibawa ke hari perbankan yang berikut sekiranya hari itu

bukan hari perbankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Masa pusingan bagi OT adalah antara beberapa minit hingga lima (5) hari perbankan, bergantung kepada dan tidak terhad kepada koresponden atau ejen, alamat geografi benefisiari dan cara pembayaran

4. Hanya setelah Bank menerima pengesahan bertulis tentang pembatalan OT secara efektif daripada koresponden atau ejennya dan surat tanggung rugi diperoleh daripada Pemohon, barulah bayaran balik akan dibuat hanya dalam Ringgit Malaysia (“RM”) dan jika dana itu dalam mata wang asing, maka dana tersebut akan ditukar kepada RM mengikut kadar belian Bank bagi mata wang asing tersebut pada masa bayaran balik itu dibuat, ditolak apa-apa kos, bunga (faedah), caj dan perbelanjaan yang timbul daripada pertukaran mata wang tersebut. Pemohon dinasihatkan supaya sentiasa menyemak status bayaran balik di HLB Connect. Pihak Bank akan menghubungi Pemohon berpandukan nombor telefon yang dikemaskini dalam sistem Bank sekiranya didapati perlu, dan Pemohon bertanggungjawab memastikan butiran hubungannya dikemaskini, tepat dan lengkap.
5. Segala kos dan perbelanjaan yang timbul daripada apa-apa pindaan, penarikan balik, pembatalan dan/atau bayaran balik berkaitan dengan OT hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pemohon.
6. Tanpa mengesampingkan apa-apa peruntukan di dalam ini, pihak Bank boleh menolak mana-mana permohonan yang dimajukan kepada Bank dengan memberi notis kepada Pemohon.
7. Pihak Bank berhak mengenakan fi perkhidmatan dan caj-caj lain bagi Perkhidmatan itu. Bank mempunyai hak untuk mengubah fi perkhidmatan dan caj tersebut pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kepada Pemohon
8. Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat yang diberi selaras dengan OT adalah tepat dan betul. Pemohon hendaklah secepat mungkin memberi kepada Bank apa-apa maklumat atau dokumen sokongan berkaitan dengan tujuan OT itu apabila diminta. Jika Pemohon gagal menyampaikan ataupun memberi maklumat atau dokumen sokongan yang tak betul, maka Bank berhak secara mutlak untuk menolak permohonan yang dibuat itu.
9. Pihak Bank tidak bertanggung terhadap Pemohon atau mana-mana pihak ketiga atas kerugian, kehilangan keuntungan atau pendapatan, nama baik atau apa-apa jenis kerugian khas/teladan, sampingan, langsung atau berbangkit biar apa pun puncanya sama ada disebabkan peninggalan, kecuaiian, pelanggaran kontrak atau sebaliknya dan tidak kira sama ada Bank telah diberitahu akan hal yang sama atas salah satu yang berikut:
 - (a) apa-apa perihalan silap atau ralat (termasuk nama atau nombor akaun yang tak betul ataupun amaun permohonan dalam apa-apa maklumat yang diberikan kepada Bank) ;
 - (b) sekiranya OT terlewat, gagal atau tergendala lantaran sebab-sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, tanah runtuh, banjir, wabak, malapetaka alam, rusuhan, keingkaran awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau kegagalan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, air, bahan api atau apa-apa faktor berupa *force majeure* atau di luar kawalan Bank

Walau apa pun, sekiranya pihak Bank didapati bertanggung, maka keseluruhan liabiliti Bank bagi apa-apa permintaan, tuntutan atau tindakan tidak akan melebihi amaun permohonan OT terlibat yang menjadi punca tuntutan itu.

10. Pemohon berjanji akan mengganti dan membayar kepada Bank setelah Bank membuat permintaan bertulis, segala tuntutan, permintaan, prosiding tindakan, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman antara peguam dengan klien sendiri) dan apa jua liabiliti lain yang ditanggung dan dialami Bank bersabit dengan atau dengan apa cara terbit daripada melaksanakan permohonan Pemohon berkaitan dengan OT atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh Pemohon. Liabiliti Pemohon merupakan liabiliti berterusan dan akan kekal berkuatkuasa penuh sehinggalah liabiliti Bank, jika ada, dilunaskan sepenuhnya.
11. Di samping pendedahan/penzahiran yang dibenarkan menurut Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Pemohon memberi kuasa dan kebenaran tak boleh batal kepada Bank, para

pegawai dan pekerjanya untuk mendedahkan/menzahirkan dan memberi segala maklumat berkenaan kiriman wang Pemohon, kiriman wang masa ini dan masa akan datang dan apa-apa hal lain berkaitan dengan Pemohon atau perniagaan dan operasinya kepada:

- (a) institusi kewangan lain yang memberi atau berniat memberi kemudahan kredit kepada Pemohon, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa sesuai yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapat maklumat tersebut atau mana-mana pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank di Malaysia;
 - (b) mana-mana perbadanan masa ini atau masa akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan Bank (mengikut takrif dalam Akta Syarikat 2016), termasuk pejabat wakil dan pejabat cawangan dan wakil masing-masing serta juga subsidiari-subsidiari syarikat induk Bank;
 - (c) pihak-pihak cagaran atau mana-mana pihak yang berniat menyediakan cagaran bagi kiriman wang itu;
 - (d) juruaudit, peguam dan/atau ejen-ejen lain pihak Bank bersabit dengan pemerolehan kembali wang yang terhutang dan kena bayar menurut peruntukan ini; dan
 - (e) penasihat profesional pihak Bank, penyedia perkhidmatan, nomini, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam urusan penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh Bank dan syarikat berkaitan atau syarikat bersekutunya.
12. Bank berhak meminda, menambah, menggugurkan atau mengubah mana-mana atau kesemua Terma dan Syarat ini dan/atau mengubah atau menamatkan kesemua atau mana-mana bahagian atau skop Perkhidmatan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal, yang akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank dalam notis tersebut.
13. Pemohon perlu sedar akan kewujudan sebarang isbat yang dikenakan ke atas sebarang negara/pertubuhan di mana pemohon berhajat menghantar dana atau menerima dana termasuk undang-undang dan peraturan Malaysia serta juga negara di mana transaksi itu dilakukan atau diminta. Jika ada apa-apa dana/dokumen/transaksi dilewatkan/disekat/ditangguh akibat isbat tersebut atau apa-apa undang-undang atau peraturan, maka Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kelewatan/sekatan/penangguhan tersebut.
14. Pemohon telah membaca Notis Privasi Bank dan bersetuju semua data peribadi yang diberi kepada Bank oleh Pemohon dan/atau diperoleh Bank daripada domain awam, termasuk juga data peribadi yang didapati hasil daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pemohon akan tertakluk kepada Notis Privasi tersebut yang mungkin diubah dari semasa ke semasa. Dengan ini Pemohon bersetuju dan membenarkan pendedahan/penzahiran nama Pemohon dan lain-lain butiran hubungan kepada syarikat-syarikat dalam lingkungan Bank dan/atau syarikat-syarikat dalam kumpulan Hong Leong Financial Group Berhad bagi tujuan pemasaran dan promosi. Naskhah Notis Privasi boleh didapati dengan membuat permohonan atau daripada laman web Bank (www.hlb.com.my and/or www.hlisb.com.my)
15. Dengan ini Pemohon membuat representasi dan waranti bahawa Pemohon telah mendapat keizinan semua individu yang dinamakan dalam permohonan Pemohon itu bagi tujuan kiriman wang atau apa-apa dokumen lain yang dikemukakan kepada Bank bagi menyokong permohonan tersebut dan/atau wakil-wakil sah mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada para pengarah pihak Pemohon, pemegang saham, penandatangani sah atau mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank ("**Subjek Data Relevan**"), bagi Bank mengumpul, menyimpan dan menggunakan maklumat peribadi Subjek Data Relevan selaras dengan Notis Privasi Bank yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
16. Apa-apa notis yang perlu diberi oleh Bank kepada anda menurut Terma dan Syarat boleh dikeluarkan dengan salah satu cara berikut:-
- (a) melalui mel elektronik kepada alamat emel anda yang terkini dalam rekod HLBB / HLISB dan notis tersebut hendaklah dianggap telah diterima selepas dua puluh empat (24) jam dari masa penghantaran; atau

- (b) melalui SMS kepada nombor telefon bimbit anda yang terkini dalam rekod HLBB / HLISB, dan dianggap telah diterima dalam dua puluh empat (24) jam dari masa penghantaran; atau
 - (c) melalui pos biasa atau pos berdaftar atau kurier dihantar kepada atau ditinggalkan di alamat terkini anda yang berdaftar dengan HLBB / HLISB dan akan dianggap telah diterima oleh anda dalam tujuh (7) Hari Perniagaan dari masa pengeposan jika dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar dan dalam dua (2) Hari Perniagaan dari masa penghantaran jika dihantar melalui kurier; atau
 - (d) dengan memaparkan notis-notis di premis cawangan HLBB/HLISB atau di laman web HLBB/HLISB dan notis tersebut akan dianggap efektif dengan pemaparan tersebut; atau
 - (e) melalui iklan atau notis am dalam satu akhbar kebangsaan utama dan notis itu akan dianggap efektif dari tarikh notis tersebut atau tarikh yang dinyatakan dalam notis itu, mengikut mana yang berkenaan.
17. Fi dan caj perkhidmatan serta semua wang lain yang perlu dibayar oleh Pemohon menurut Perjanjian ini, termasuk apa-apa amaun berupa pembayaran ganti yang perlu dibuat oleh Pemohon kepada Bank, tidaklah termasuk sebarang Cukai dan hendaklah dibayar tanpa sebarang tolakan, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau atas sebarang tuntutan balas atau sebarang potongan atau penangguhan.
18. Sekiranya Pemohon dikehendaki undang-undang supaya membuat sebarang potongan atau penangguhan daripada fi dan caj perkhidmatan dan/atau kesemua wang lain yang perlu dibayar kepada Bank menurut Perjanjian ini bagi sebarang Cukai atau selainnya, maka jumlah yang perlu dibayar oleh Pemohon yang baginya potongan atau penangguhan perlu dilakukan hendaklah dinaikkan supaya fi dan caj perkhidmatan bersih dan/atau amaun wang bersih yang diterima oleh Bank adalah bersamaan dengan jumlah yang Bank sepatutnya terima seandainya tiada sebarang potongan atau penangguhan dikehendaki atau dilakukan.
19. Di samping fi dan caj perkhidmatan dan kesemua wang lain yang perlu dibayar, Pemohon hendaklah membayar kepada Bank segala Cukai berkenaan mengikut kadar semasa yang relevan dan/atau sebarang amaun yang ditentukan Bank untuk menampung sebarang pembayaran/liabiliti/obligasi Cukai yang bersabit dengannya, tanpa sebarang tolakan, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau atas sebarang tuntutan balas atau sebarang potongan atau penangguhan, selain sebarang Cukai yang mungkin dikehendaki undang-undang supaya dibayar oleh Pemohon secara terus kepada mana-mana Pihak Berkuasa, yang mana Pemohon perlu kirim terus kepada Pihak Berkuasa Yang Sesuai.
20. Jika pada bila-bila masa sesuatu pelarasan dilakukan atau perlu dilakukan antara Bank dengan pihak berkuasa cukai berkenaan bagi apa-apa amaun yang dibayar oleh Bank sebagai Cukai berikutan sebarang perbekalan dibuat atau dianggap telah dibuat atau hal lain bersabit dengan perjanjian ini, maka pelarasan sepadan atas budi bicara Bank dilakukan antara Bank dengan Pemohon dan dalam hal sedemikian apa-apa bayaran yang perlu untuk menyempurnakan pelarasan itu hendaklah dilaksanakan.
21. Segala Cukai yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada Bank sebagaimana diperuntukkan di sini hendaklah dibayar mengikut masa dan mengikut cara yang diminta oleh Bank.
22. Dengan ini Pemohon bersetuju melaksanakan segala apa yang semunasabahnya diminta oleh Bank untuk membantu Bank menunaikan obligasinya di bawah sebarang perundangan berkenaan yang di bawahnya Cukai dikenakan. Sekiranya suatu Cukai baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dicaj atas transaksi yang dicadangkan dalam Perjanjian ini, maka Pemohon bersetuju memberi kerjasama penuh kepada Bank untuk membantu Bank menunaikan obligasinya menurut undang-undang berkenaan.
23. Bagi mengelakkan keraguan, pihak-pihak berkenaan bersetuju bahawa sebarang jumlah yang perlu dibayar atau amaun yang akan digunakan dalam pengiraan jumlah yang perlu bayar seperti terungkap dalam perjanjian ini telah dipastikan tanpa mengambil kira dan tidak merangkumi amaun yang hendak ditambah di bawah fasal ini kerana Cukai.

24. Notis Penting:

Anda dinasihatkan supaya membaca dan memahami Notis Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia (“**FEN**”) di <http://www.bnm.gov.my> dan memastikan segala aktiviti yang dilakukan berkenaan OT mematuhi FEN pada setiap masa.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan berhubung dengan terma dan syarat, sila hantar emel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my